



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

BIL.101/ 2018

### **PERUBAHAN TEMPAT PUSAT PENAMAAN CALON DAN PUSAT PENJUMLAHAN RASMI UNDI BAGI PILIHAN RAYA KECIL P.078 CAMERON HIGHLANDS**

Dimaklumkan bahawa terdapat perubahan tempat bagi Pusat Penamaan Calon dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi untuk Pilihan Raya Kecil (PRK) P.078 Cameron Highlands.

Dalam melaksanakan proses PRK ini, SPR akan menggunakan **Dewan Gemilang Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands** sebagai Pusat Penamaan Calon dan juga Pusat Penjumlahan Rasmi Undi bagi menggantikan tempat yang telah diumumkan sebelum ini iaitu Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dan Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Cameron Highlands. Perubahan ini dilakukan setelah mengambil kira faktor keselesaan dan keselamatan semua pihak yang terlibat dalam PRK ini.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 21 Disember 2018 / 13 Rabiul Akhir 1440H